



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI) (P.2 / P.1)  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI)  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
P.2/P.1 (\$605 - \$885 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = LAPAN PULUH LAPAN (88)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**GAJI / TANGGA GAJI:**

Gaji sebanyak \$500 sebulan. Selepas berkhidmat selama 6 bulan dan lulus setelah menjalani Latihan Asas Kebombaan dengan memuaskan, calon-calon diberi gaji sebanyak \$605 sebulan dalam tangga gaji P.2 / P.1 (\$605 - \$885) beserta dengan elaun-elaun tertentu.

**KELAYAKAN FIZIKAL:**

- a) Umur - Hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 26 tahun (Lelaki).
- b) Tinggi dan berat badan - Sekurang-kurang 5'4" (1.63m)  
Tidak melebihi 60 kg.  
*Body Mass Index (BMI)* tidak melebihi 23.
- c) Dada - Sekurang-kurangnya 34" (86cm)  
apabila tidak ditarik nafas (biasa).
- d) Tiada masalah pendengaran.
- e) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan tanpa menggunakan kaca mata atau kanta lekap (*contact lens*).
- f) Tidak buta warna (*colour blind*).
- g) Calon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan lulus pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang dibenarkan berpandukan Garis pandu Kesihatan Bagi Ahli Bomba (*Medical Guideline For Firefighter*).



#### **SYARAT-SYARAT LAIN:**

- a) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti Ujian Kecergasan, Bertulis dan Praktikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh jabatan ini dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.
- b) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- c) Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN:**

- a) Ahli Bomba Pelatih yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun sebelum ditetapkan dalam jawatan.
- b) Ahli Bomba Pelatih yang lulus dan berjaya menamatkan Latihan Asas Kebombaan, lulus dalam ujian kecergasan dan menamatkan tempoh percubaan serta memenuhi syarat bagi penetapan jawatan dengan mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

#### **KURSUS / LATIHAN:**

- a) Menjalani Latihan Asas Kebombaan selama enam (6) bulan di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat.
- b) Hendaklah mencapai 80% kehadiran semasa menjalani Latihan Asas Kebombaan, jika gagal calon akan ditamatkan daripada Perkhidmatan.
- c) Hendaklah lulus Ujian Kecergasan Fizikal (*BFT*) sepanjang Latihan Asas Kebombaan, jika gagal calon akan ditamatkan daripada perkhidmatan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Patuh pada Perintah dan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan 2002) di bawah Penggal 82, Bab 82 dari semasa ke semasa;
2. Bersedia dan patuh menjalankan tugas mengikut garis panduan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan 2002) di bawah Penggal 82, Bab 82, Bahagian II Pertubuhan, Tugas-Tugas dan Kuasa-Kuasa dalam Bab 7; dan
3. Melaksanakan tugas-tugas operasi dan menyelamat di Balai Bomba dan Penyelamat di Negara ini.